

# Rasuah jejas keselamatan, kestabilan politik negara

**Kelmarin** Hari Antirasuah Sedunia disambut, namun apakah kita sebagai rakyat Malaysia benar-benar faham bahawa rasuah bukan sahaja salah di sisi undang-undang, malah satu kesalahan yang ditegah Islam.

Sudah terang lagi bersuluh, perbuatan rasuah sering terjadi dalam kancah politik mahupun ekonomi di sesebuah negara.

Masyarakat sendiri mengetahui rasuah itu perbuatan keji. Ia seringkali dilakukan secara rahsia, kecuali dalam keadaan di mana membabitkan individu berkuasa untuk memanfaatkan satu sama lain demi kepentingan bersama dalam mencapai satu kemajuan.

Kita sedia maklum individu menjadikannya rasuah sebagai amalan harian tidak berintergriti, tidak bermoral, tidak berwawasan dan tidak amanah dengan tanggungjawab diberikan.

Ibarat ingin mengambil jalan mudah mendapatkan sesuatu kesenangan. Mungkin kesenangan diperoleh itu indah, tetapi percayalah pada akhirnya nanti kesenangan itu akan bertukar kesusahan berpanjangan kerana perbu-

tan terbabit tidak diredai Allah.

Apa boleh dikatakan, perbuatan rasuah seolah-olah menjadi budaya. Gejala rasuah memburukkan lagi taraf kemiskinan kerana sumber yang ditetapkan bagi membantu rakyat kurang berkemampuan, diselewengkan individu tidak amanah dan sentiasa tamak tanpa memikirkan kesusahan orang lain.

Ia juga mengakibatkan ketidakadilan disebabkan individu ini mengetepikan hak orang tertentu dan membebankan golongan susah. Bahkan, kegiatan ini menggalakkan jenayah dan pada masa sama melindungi penjenayah.

Gejala rasuah menjadikan negara melahirkan rakyat pesimistik, iaitu rakyat yang banyak kepincangan dari aspek kehidupan mereka sendiri.

Jika kita cakna dengan keadaan sekeliling, mengapa masih lagi individu meminta-minta di tepi jalan dan mereka ini kebanyakannya tiada tempat berteduh walaupun negara itu sudah maju.

Ini sering kali berlegar dalam pemikiran, lebih-lebih lagi selepas melihat begitu ramai individu kurang berkemampuan tidak mendapatkan hak me-

reka yang sepatutnya.

Tambahan pula, implikasi jika gejala rasuah terus-menerus dijadikan amalan, akan memberi kesan dari aspek ekonomi. Sebagai contoh, kenaikan kos barang dan perkhidmatan semakin hari semakin meningkat dan menjadi beban kepada rakyat kurang berkemampuan untuk berbelanja.

Kita sendiri perlu mengetahui sesebuah negara maju memerlukan politik stabil. Dengan rasuah yang semakin berleluasa, ia akan menjejaskan kestabilan politik dan keselamatan negara.

Ingatlah, niat tidak menghalalkan cara dan kita perlu lebih berhati-hati meneliti apakah sebenarnya ajakan seseorang itu ke arah positif atau sebaliknya.

Jika dari sekarang kita tidak cuba menghindarkan diri daripada terus bergelumang gejala rasuah, akhirnya kita akan terus beranggapan bahawa rasuah itu satu perkara yang remeh. Semoga negara terus aman tanpa rasuah.

**Nur Amira Aishah Mohd Adnan,**  
Mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris